



**SIARAN AKHBAR  
JABATAN BURUH  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

---

Berikutan kenyataan Media Jabatan Perdana Menteri bertarikh 03 Muharram 1443 bersamaan 12 Ogos 2021 mengenai tempoh bekerja bagi *Business Continuity Plan (BCP)* dan merujuk kepada siaran akhbar Jabatan Buruh bertarikh 01 Muharram 1443 bersamaan 10 Ogos 2021 mengenai dengan jenis perkhidmatan dan waktu perkhidmatan di ke empat-empat daerah, Jabatan Buruh ingin mengemaskini dan seterusnya memaklumkan kepada orang ramai bahawa semua perkhidmatan kaunter di ke empat-empat daerah akan **ditutup** buat sementara waktu **sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian**.

Manakala, perkhidmatan pembayaran secara tunai hanya dilaksanakan **secara temujanji dan pemohon dinasihatkan untuk menghubungi Bahagian Kewangan terlebih dahulu** sebelum mengunjungi ibu pejabat Jabatan Buruh dan cawangan-cawangannya.

Permohonan dan perkhidmatan-perkhidmatan jabatan bolehlah dimasukkan ke dalam **Peti Permohonan (Dropbox)** yang disediakan di ruang legar Jabatan Buruh dan cawangan-cawangannya. Waktu penghantaran permohonan adalah bermula dari jam **08.00 pagi hingga 11.00 pagi, pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu**. Tatacara menghadapkan dan mengambil keputusan permohonan di Jabatan Buruh bolehlah diperolehi di laman sesawang Jabatan Buruh di [www.labour.gov.bn](http://www.labour.gov.bn). Pemohon adalah dikehendaki untuk melengkapkan permohonan dan memberikan alamat e-mel dan nombor telefon bimbit dengan betul bagi kelancaran permohonan.

Sebarang pertanyaan orang ramai adalah dinasihatkan untuk menghubungi di Talian Jabatan Buruh atau melalui e-mel [info.buruh@buruh.gov.bn](mailto:info.buruh@buruh.gov.bn)

**Nombor Perhubungan Bahagian-Bahagian di Jabatan Buruh**

<b>BIL.</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>NOMBOR PERHUBUNGAN</b>
1.	<b>Bahagian Kewangan</b>	<b>2383 006 ext 2301/2302/2300</b>
2.	<b>Bahagian Lesen Pekerja Asing</b>	<b>2383 006 ext 3211/3200 / 8363 244</b>

3.	<b>Bahagian Lesen Perkhidmatan Domestik</b>	<b>2383 006 ext 3107</b>
4.	<b>Bahagian Agensi Pekerjaan</b>	<b>2383 006 ext 1074/2102</b>
5.	<b>Bahagian Pampasan</b>	<b>2383 006 ext 2203/2205</b>
6.	<b>Bahagian Kajian dan Perangkaan (Banci)</b>	<b>2383 006 ext 4503/4504</b>
7.	<b>Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang</b>	
	<b>a) Hotline Aduan Pertikaian Kerja</b>	<b>238 1848 / 729 8989</b>
	<b>b) Unit Pemeriksaan (Pengesahan Alamat)</b>	<b>2383 006 ext 4214</b>
8.	<b>Jabatan Buruh Cawangan Daerah Belait</b>	<b>333 1549</b>
9.	<b>Jabatan Buruh Cawangan Daerah Tutong</b>	<b>422 1408</b>
10.	<b>Jabatan Buruh Cawangan Daerah Temburong</b>	<b>522 1256</b>
Bagi sebarang <b>Pertanyaan Am</b> bolehlah menghubungi di Talian <b>2383 006 / 2380 256</b>		

**Jabatan Buruh  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

**03 Muharram 1443H bersamaan 12 Ogos 2021M**